

**PM ziarah jenazah Allahyarham Dr. Abdul Majid  
Utusan Online  
25 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR 24 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini menziarahi jenazah bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Abdul Majid Ismail, 92, yang meninggal dunia di kediamannya di Taman Duta, Jalan Langgak Duta petang ini.

Najib meluangkan masa kira-kira 10 minit menziarahi jenazah arwah dan bertemu waris Dr. Abdul Majid bagi mengucapkan takziah di atas pemergian beliau.

Dr. Abdul Majid meninggal dunia akibat sakit tua kira-kira pukul 4 petang ini. - BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130325/dn\\_01/PM-ziarah-jenazah-Allahyarham-Dr-Abdul-Majid](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130325/dn_01/PM-ziarah-jenazah-Allahyarham-Dr-Abdul-Majid)